

TAHAP KOMUNIKASI IBUBAPA MEMPENGARUHI PENYIMPANGAN AKHLAK DALAM KALANGAN MAHASISWA PENGAJIAN ISLAM DI UNIVERSITI SELANGOR

Nur Qurrotu'aini Abdul Rahman 1, Liana Ab Latif 2
Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial,
Universiti Selangor Bestari Jaya

PENGENALAN

Penyimpangan akhlak merupakan satu perkara yang menjadi kebimbangan masyarakat kita pada hari ini yang mana pergaulan, pemakaian dan juga tingkah laku remaja yang semakin melampau sudah menjadi satu kebiasaan masyarakat kita pada zaman era moden ini, selain itu akhlak juga merupakan salah satu tunjang agama yang melambangkan keperibadian seseorang itu sama ada dilihat dari segi pemakaiannya, percakapannya atau sikapnya

OBJEKTIF

Mengenalpasti tahap komunikasi ibubapa yang mempengaruhi penyimpangan akhlak mahasiswa.

Mengenalpasti pentingnya komunikasi ibubapa terhadap para mahasiswa zaman kini.

Mengenalpasti bagaimana cara yang dapat dilakukan bagi mengelak daripada berlakunya penyimpangan akhlak mahasiswa selain daripada berkomunikasi di antara ibubapa.

ANALISIS

Rajah 1 menunjukkan jumlah responden lelaki ialah 36.7% manakala bagi jantina perempuan pula 63.3% dan ternyata jumlah responden perempuan lebih ramai daripada lelaki. Seterusnya populasi responden berjumlah 30 orang pelajar yang mana kekerapan pada umur responden kekerapannya lebih kepada sekitar 21 hingga 22 tahun di mana peratus bagi umur tersebut 86.7% manakala umur 23-25 tahun memperoleh 6.7%, dan bagi umur 18 hingga 20 tahun pula 3.3% begitu juga dengan responden yang berumur 26 tahun ke atas. Peratus bagi responden yang mengambil program diploma ialah sebanyak 3.3% manakala yang mengambil ijazah sarjana muda pula 96.7% di mana responden daripada ijazah sarjana muda lebih ramai berbanding responden diploma.

Perkara	Nilai	Peratus
Jantina		
1. Lelaki	11	36.7%
2. Perempuan	19	63.3%
Umur		
1. 18 - 20 tahun	1	3.3%
2. 21 - 22 tahun	26	86.7%
3. 23 - 25 tahun	2	6.7%
4. 26 tahun ke atas	1	3.3%
Program		
1. Diploma	1	3.3%
2. Ijazah sarjana muda	29	96.7%

Item Statistics	Mean	Std. Deviation	N
Adakah anda berpuas hati dengan komunikasi ibubapa yang kurang berkesan?	4.23	.430	30
Adakah anda berpuas hati dengan komunikasi ibubapa yang kurang berkesan?	3.90	.712	30
Adakah anda berpuas hati dengan komunikasi ibubapa yang kurang berkesan?	3.47	1.137	30

Item Statistics	Mean	Std. Deviation	N
Adakah anda berpuas hati dengan komunikasi ibubapa yang kurang berkesan?	4.23	.504	30
Adakah anda berpuas hati dengan komunikasi ibubapa yang kurang berkesan?	4.07	.521	30
Adakah anda berpuas hati dengan komunikasi ibubapa yang kurang berkesan?	4.53	.571	30

Item Statistics	Mean	Std. Deviation	N
Mewujudkan hubungan dengan rakan yang baik dapat mengurangkan penyimpangan akhlak mahasiswa?	4.07	.450	30
Melakukan sesi perbincangan terhadap ibubapa dapat mengurangkan penyimpangan akhlak mahasiswa?	4.10	.548	30
Sering melibatkan diri dengan persekitaran yang baik dapat mengurangkan penyimpangan akhlak di kalangan mahasiswa?	4.27	.450	30
Sertiasa membekalkan nasihat kepada mahasiswa dapat mengurangkan penyimpangan akhlak mereka?	4.20	.407	30

METODOLOGI

- Kajian ini berbentuk tinjauan kaedah kuantitatif.
- Kajian ini juga menggunakan kaedah soal selidik
- Responden kajian berjumlah sebanyak 30 orang pelajar yang berumur dari 18 tahun hingga 28 tahun
- Responden mahasiswa pengajian islam dan sampel dipilih secara rawak
- Kajian ini menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat berkenaan objektif kajian yang telah dibentuk
- Data-data yang diperolehi ini di analisis dengan menggunakan kaedah SPSS.

DAPATAN

Dapatan kajian yang diperolehi majoritinya bersetuju akan ibubapa ini perlu meningkatkan tahap komunikasi terhadap mahasiswa pengajian islam di universiti selangor. Dapatan kajian yang diperolehi juga bersetuju bahawa komunikasi ibubapa penting bagi pembentukan akhlak mahasiswa. Hasil dapatan menyatakan seseorang pelajar itu boleh mengelak diri atau mengurangkan berlakunya penyimpangan akhlak dengan melakukan beberapa perkara dan cara antaranya adalah mengadakan sesi perbincangan antara ibubapa terhadap mahasiswa dan sering melibatkan diri dalam persekitaran yang baik.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis dalam dapatan kajian ini pengkaji menyimpulkan bahawa penyimpangan akhlak ini tidak berlaku oleh kerana kurangnya komunikasi ibubapa semata. Namun pengkaji juga mendapati bahawa dengan adanya pelbagai cara bagi mengelakkan daripada berlakunya penyimpangan akhlak di kalangan mahasiswa.

RUJUKAN

- Aziz, S., Nen, S., Hoesni, S. M., & Manap, J. (2020). Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 4(1), 93-101.
- binti Mat, M., & KUIS, M. F. P. TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK DAN REMAJA: SOROTAN TEORI.
- Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
- Gosman, M., Nazarudin, N., Noordin, Z., Saharin, A., & Saili, R. (2020). Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1), 1-12.
- Hashim, N., & Razali, A. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337-352.
- Ibrahim, H., Mustapha, M., Sawai, J. P., Nawi, N. H. M., & Ahmad, P. H. M. (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18-24.
- Ismail, S., Ismail, N., Mohamad, N., & Husna, N. D. (2019). 1010 Cabaran Komunikasi Ibu Bapa Dalam Masyarakat Melayu.
- Jamil, N. A., Kariuddin, N. A. F., Abdul, M. A., Arof, N. M., & Mohamad, I. (2022). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Rutin Perbualan Harian Bersama Anak: Satu Analisis Keperluan. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 7(1), 53-60.
- Omar, M., & Shihabudin, A. S. (2021). Gaya Asuhan Ibu Bapa, Personaliti Psiko-Spiritual dengan Daya Ketahanan Diri dalam Kalangan Pelajar Usas. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 4(1), 1-18.
- Sidik, I. F., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2018). Sokongan persekitaran sosial di pelbagai jenis sekolah menengah dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI*, 1(1), 67-76.